

11 JUL 2003

Ng-Mikro

BORANG PINJAMAN SKIM KREDIT MIKRO DARI BSN TIDAK DIKENAKAN BAYARAN

KUALA TERENGGANU, 11 Julai (Bernama) -- Borang bagi mendapatkan pinjaman Skim Kredit Mikro dari Bank Simpanan Nasional (BSN) tidak dikenakan bayaran, kata Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr Ng Yen Yen.

Beliau berkata borang itu boleh diperolehi secara percuma di BSN dan jika pemohon mendapati ada pihak tertentu yang menjual borang tersebut, mereka perlu membuat laporan kepada BSN dan juga kementerian supaya tindakan tegas dapat diambil.

"Borang tersebut boleh didapati secara percuma dan tidak ada sebarang bayaran dikenakan untuk mendapatkannya, dan jika ada mereka yang melakukannya, pemohon perlu melaporkan perkara itu dengan segera," katanya selepas merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Wanita MCA Terengganu di sini hari ini.

Menjawab soalan pemberita kemungkinan terdapat pihak tertentu yang mengambil kesempatan atau mengenakan bayaran bagi mendapatkan borang berkenaan, Ng berkata sehingga kini pihaknya masih belum menerima sebarang laporan.

Katanya peminjam atau mentee dalam sistem mentor yang digunakan BSN juga tidak perlu memberi atau dikenakan sebarang bayaran oleh mereka yang menjadi mentor.

Katanya mentor juga tidak boleh meminta sebarang bayaran daripada mentee, atas tanggungjawab atau bantuan mengisi borang kerana sebagai mentor mereka akan menerima wang sejumlah RM400 daripada BSN.

"Jika terdapat mentor yang dilantik meminta wang dari mentee, maka mentee perlu melaporkan kepada kementerian dan BSN supaya tindakan segera akan dapat diambil.

"Ini termasuk membatalkan khidmat mereka sebagai mentor," katanya.

Baru-baru ini Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan pakej rangsangan ekonomi berjumlah RM7.3 bilion antaranya untuk membantu usahawan kecil dan sederhana meningkatkan perniagaan mereka.

Dari jumlah itu, sebanyak RM500 juta disalurkan melalui Bank Pertanian, BSN sebanyak RM300 juta dan masing-masing RM200 juta kepada Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN).

Namun demikian, katanya, pemohon perlu faham bahawa tidak semua permohonan akan diluluskan kerana tapisan perlu dilakukan bagi memastikan hanya mereka yang benar-benar layak sahaja menerimanya bagi mengelakkan skim itu disalahgunakan.

Ng berkata sistem mentor yang digunakan BSN adalah bagi mempercepatkan dan memudahkan peminjam untuk mendapatkan pinjaman di samping memudahkan pihak bank mengetahui latar belakang peminjam.

Beliau berkata ianya juga bagi mengelakkan kehilangan peminjam yang hendak mengelakkan dari membayar semula pinjaman, kerana pinjaman melalui BSN itu tidak dikenakan cagaran.

Katanya sehingga kini BSN meluluskan sejumlah 222 pinjaman menerusi skim itu.

-- BERNAMA

HIS ROS